


TARIKH : 7 FEBRUARI 2020  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 2

# Kemakmuran melalui pendidikan



Dasar dan hala tuju KPM selaras agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

PUTRAJAYA

**K**ementerian Pendidikan (KPM) sebagai peneraju dalam mendidik dan me-lahirkan modal insan negara akan menyuaikan dasar dan hala tuju selaras dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Pendana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga Pemangku Menteri Pendidikan berkata, bagi tahun 2020, fokus utama KPM akan tertumpu ke arah Merealisasikan Kemakmuran Bersama Melalui Pendidikan.

Menurutnya, satu daripada tujuh teras strategik dalam wawasan yang dilancarkan kerajaan itu ialah strategi transformasi modal insan.

"Transformasi ini harus

fokus kepada penyediaan hala tuju sumber tenaga yang lebih produktif, efektif, berkemahiran, berteknologi dan bernilai tinggi, termasuk dalam industri ekonomi baharu," katanya pada majlis amanat dan aspirasi bersama warga Kementerian Pendidikan di sini semalam.

Dr Mahathir dalam pada itu turut menyarankan supaya satu kurikulum Pendidikan Islam baharu diadakan bagi meneckankan penyemaian nilai-nilai kehidupan Islam.

"Kita gemar menyatakan bahawa Islam bukan sahaja satu agama tetapi ia juga adalah satu cara hidup. Kita perlu tahu apakah cara hidup Islam. Umpamanya, adakah cara hidup Islam menyuruh kita berperang dan membunuhi?" katanya.

Dalam masa yang sama, katanya, KPM turut menyediakan Perincian Pemetaan Pendidikan Sivik yang merangkumi Modul Exemplar untuk kurikulum, Manual Perhimpunan Sekolah dan Amalan Nilai Murni serta Manual Amalan Pendidikan Sivik dalam kokurikulum.

Di peringkat pendidikan tinggi pula, katanya, pembentukan nilai ditekankan melalui aktiviti *Service Learning Malaysia - University For Society (Sulam)* iaitu kaedah pembelajaran yang memberi pengalaman pembelajaran kepada pelajar melalui penyelesaian permasalahan komuniti. - *Bernama*

